

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan status kemajuan pelaksanaan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) semenjak ia diperkenalkan pada tahun 2014 dan diperuntukkan sejumlah RM50 juta dibawah kelolaan TEKUN.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Banyak usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil dikalangan kaum India. Salah satu inisiatif ialah melalui bantuan kewangan daripada TEKUN Nasional untuk golongan peniaga mikro kaum India selain daripada Amanah Ikhtiar Malaysia.

Sekretariat Khas Untuk memperkasakan Usahawan India (SEED), juga telah memainkan peranan yang penting dalam memperkuatkan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) yang diwujudkan oleh TEKUN Nasional sejak tahun 2008 untuk membantu memberi pinjaman mikro kepada usahawan masyarakat India. Sejak 2008 sehingga kini kerajaan Persekutuan telah menyalurkan RM194.5 juta kepada 15,785 usahawan India melalui TEKUN Nasional dengan kerjasama Sekretariat SEED. Selain bantuan pinjaman, seramai lapan 8 pegawai berbangsa India telah dilantik oleh TEKUN Nasional di setiap negeri untuk membantu peniaga-peniaga India untuk melincinkan proses penerimaan dan pemprosesan permohonan.

Kerajaan akan terus meneruskan usaha ini untuk membantu golongan peniaga-peniaga mikro ini agar mereka diberi peluang untuk bergiat dalam bidang perniagaan kerana mempunyai minat dan semangat yang tinggi untuk meningkatkan pendapatan mereka. Tambahan pula, TEKUN Nasional dengan kerjasama Sekretariat SEED juga

menjalankan program-program latihan keusahawanan bagi mengembangkan perniagaan peniaga-peniaga mikro ini. Latihan seumpama ini telah membantu meningkatkan prestasi peniaga-peniaga India. Jumlah kelulusan pinjaman juga telah meningkat setelah latihan kesedaran sebegini dijalankan di kalangan usahawan India.

Sekian, terima kasih.